

Bukan semua ahli politik diperlukan dalam k'jaan

KUALA LUMPUR, Jumaat — Ahli-ahli politik yang berminat menyertai kerajaan hari ini diingatkan bahawa tidak semua dari mereka diperlukan dalam perkhidmatan kerajaan.

Mereka juga janganlah fikir khidmat yang lama dalam politik sebagai alasan untuk diberi jawatan.

"Tidak ada sesuatu yang lebih merbahaya dari memberi jawatan kepada orang yang bukan ahli di dalamnya, oleh itu bagi memenuhi keperluan politik dan ekonomi, ahli-ahli politik yang berminat perlulah menguasai selok-belok pengurusan perniagaan".

Demikian ditegaskan oleh Presiden UMNO Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed ketika ucapan merasmikan Perhimpunan Agung UMNO Ke-33 di sini hari ini.

Katanya, sebahagian daripada ahli-ahli politik diperlukan dalam bidang ekonomi sebagai Pengerusi atau Ahli Lembaga Pengurus. Penyertaan ini, terutama dalam syarikat-syarikat milik kerajaan adalah sama pentingnya dengan penyertaan sebagai Jemaah Pentadbir Kerajaan atau menjadi Menteri.

Bagaimanapun tegasnya, "kita tidak mahu penyertaan ahli politik dalam badan-badan ekonomi milik kerajaan dianggap sebagai kerja tidak penting sedangkan penyertaan mereka sama penting dengan rakan-rakan dalam pentadbiran".

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, di waktu badan-badan ekonomi ditubuhkan untuk memenuhi keperluan Dasar Ekonomi Baru (DEB), ramai orang politik dilantik sebagai pengerusi dan pegawai pentadbir sebagai pengurus.

Bagaimanapun katanya, disebabkan kedua-dua itu tidak terlatih dalam bidang pengurusan, ramai dari yang dilantik itu gagal.

"Kesan kegagalan ini membantutkan pencapaian DEB dan kerap kali pula badan-badan ini menjadi penghalang kepada perkembangan syarikat-syarikat

Bumiputera.

Perdana Menteri mensifatkan pengurusan itu sebagai 'ala bidan terjun'.

Tambah beliau lagi, pengurusan 'ala bidan terjun' itu sudah berakhir dan badan-badan berkanun kini memerlukan pengurusan yang profesional dan pengurus sendiri mesti sedar akan dasar dan matlamat politik DEB.

Sementara itu, pengurus dari punca-punca bukan politik juga akan dipertingkatkan pengetahuan mereka dalam bidang politik dengan harapan mereka dapat menyesuaikan pengurusan berasaskan realiti politik Malaysia.

Perdana Menteri berharap, ahli-ahli politik sedar peranan ekonomi dalam politik juga penting ke arah menjamin kebahagiaan negara.

"Ahli-ahli politik yang benar-benar berjuang untuk kepentingan bangsa, agama dan negara tidaklah harus mengidami jawatan-jawatan politik sahaja, tetapi hendaklah sanggup memainkan peranan dalam bidang ekonomi, sama ada secara bersendirian atau mewakili kerajaan.

"Janganlah berfikir untuk menjadi Senator sahaja jika tidak dapat menjadi Wakil Rakyat tetapi bersedialah untuk penglibatan dalam bidang ekonomi", ujarinya disambut dengan tepukan gemuruh perwakilan.

No. Siri

6701

No. Penerbitan

10